

**UMNO: Institusi Umno Bakal Ditubuh - Najib
Bernama
1 Disember, 2012**

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan sebuah institusi Umno akan ditubuhkan bagi mengukuhkan Umno sebagai satu entiti pada masa hadapan.

Presiden Umno itu menegaskan pengukuhan sesebuah organisasi seperti Umno dalam abad ke-21 akan bertunjangkan kekuatan minda.

"Dengan kekuatan minda kita akan mempunyai ilmu yang lebih unggul, lebih hebat untuk lawan orang lain sebab itu kita perlukan institusi ini," katanya ketika menggulung perbahasan pada sesi penutupan Perhimpunan Agung Umno 2012 di sini Sabtu.

Berucap di hadapan lebih 2,700 anggota perwakilan, Najib menarik perhatian bahawa penubuhan institusi itu tidak memerlukan bangunan baharu tetapi boleh menggunakan mana-mana pusat latihan sedia ada.

"Yang penting pengisiannya. Kita akan sediakan kurikulum yang sesuai supaya anak-anak kita ini diisi dengan sejarah perjuangan Umno, pengetahuan dan nilai-nilai yang baik," kata Najib.

Penubuhan insituti Umno itu dicadangkan Ketua Pergerakan Pemuda Khairy Jamaluddin dan Ketua Puteri Umno Datuk Rosnah Rashid Shirlin dalam ucapan penggulungan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=713270>